

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 November 2015

Najib-Erdogan bincang potensi ASEAN, isu keganasan

um - 14/11/2015



**ZULKIFLI
JALIL**

Melaporkan dari ANTALYA, TURKI

ANTALYA TURKI 13 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dijadual tiba di sini pada pukul 11.55 malam ini (5.55 pagi esok waktu Malaysia) untuk memulakan lawatan kerja tiga hari sempena Sidang Kemuncak Pemimpin G20 akan membawa potensi kekuatan ekonomi ASEAN untuk dikongsi bersama kumpulan negara-negara berpengaruh dunia tersebut.

Duta Malaysia ke Turki, Datuk Amran Mohamed Zin berkata, dengan ASEAN dipengerusiakan Malaysia tahun ini, memiliki keupayaan pasaran 600 juta penduduk serta pertumbuhan ekonomi bernilai AS\$2.4 trilion yang menyumbang tujuh peratus ekonomi global, diyakini rantau itu dapat berkongsi sesuatu yang berharga buat G20.

"Justeru, penyertaan Perdana Menteri memberi peluang kepada Malaysia dan ASEAN untuk berkongsi bukan sahaja kekuatan dan potensi ekonomi ASEAN dalam agenda pertumbuhan ekonomi global, malah juga dapat bertukar-tukar pandangan tentang isu-isu keganasan, pelarian serta perubahan iklim dunia.

"Dalam hal ini, esok pada kira-kira pukul 10.15 pagi hingga 11 pagi waktu tempatan, Perdana Menteri akan melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Recep Tayyip Erdogan yang antara lain berkisar tentang komitmen ASEAN kepada G20 dan hubungan dua hala Malaysia-Turki.

"Antaranya juga Kuala Lumpur-Ankara akan meneliti perkembangan Perjanjian Per-



AMRAN MOHAMED ZIN

G20 adalah platform utama membincang dan mencari jalan penyelesaian isu-isu ekonomi dan kewangan global."

dagangan Bebas (FTA) yang dimeterai pada April tahun lalu dan dikuatkuasakan pada Ogos tahun yang sama. Hasil perjanjian ini begitu efektif kerana sejak berkuat kuasa sehingga hari ini telah meningkatkan kira-kira 34 peratus hubungan dagangan dua hala," kata beliau kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Menurut Amran, lawatan kerja Perdana Menteri akan disertai isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, pegawai-pegawai Kementerian Luar, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

G20 adalah platform utama membincang dan mencari jalan penyelesaian isu-isu ekonomi dan kewangan global.

G20 terdiri daripada gabungan negara-negara maju serta berpengaruh yang mewakili kira-kira dua per tiga daripada penduduk dunia, 85 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dan

lebih 75 peratus daripada perdagangan global. G20 turut mewakili 50 peratus daripada negara-negara miskin seluruh dunia.

Ahli-ahli G20 adalah Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Itali, Jepun, Republik Korea, Mexico, Rusia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Turki, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU).

Selaku Pengerusi ASEAN 2015, Kuala Lumpur dijemput sebagai jemputan tetap ke sidang kemuncak itu.

Turut dijemput ialah Sepanyol, Zimbabwe selaku Pengerusi Kesatuan Afrika, Senegal mewakili Perkongsian Baru bagi Pembangunan Afrika (NEPAD), Azerbaijan dan Singapura. - UTUSAN